

Nelayan Vietnam semakin rakus menjelang musim sotong

HM 17/2/2023 ms: 18

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) meningkatkan rondaan di perairan negeri ini bagi mengekang pencerobohan nelayan Vietnam menjelang musim sotong April depan.

Pengaruhnya, Kepten Maritim Mohd Khairulnuar Abd Majid berkata, ia bagi mengelak negara kerugian disebabkan kerakusan nelayan asing mencuri hasil laut.

Katanya, musim sotong April hingga Ogos menarik kehadiran nelayan Vietnam di perairan negeri ini bagi mencuri hasil laut berkena-

an.

“Perairan negeri ini memiliki banyak hasil laut bermutu tinggi terutama di kawasan berhampiran pelantar minyak.

“Kita sentiasa melakukan rondaan termasuk kawasan pelantar minyak bagi mengekang pencerobohan nelayan Vietnam.

“Setiap tahun, bilangan nelayan Vietnam di perairan negeri ini bertambah apabila tiba musim sotong,” katanya di tapak pameran Aset Penguatkuasaan Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-18 Maritim Malaysia di Pusat Sains dan Kreativiti, Kampung Laut Chendering

di sini, kelmarin.

Katanya, sejak 2019, APMM melakukan 512 tangkapan bot nelayan Vietnam dengan rampasan bernilai RM675 juta menerusi Op Kuda Laut dan Op Naga di sepanjang perairan Pantai Timur.

Mohd Khairulnuar berkata, 333 bot ditahan menerusi Op Naga, manakala 179 bot ditahan menerusi Op Kuda Laut sejak 2020.

“Seramai 4,998 nelayan Vietnam ditahan malah ada antara mereka pernah ditahan menerusi operasi sebelum ini,” katanya.

Dalam pada itu, pihaknya tidak menafikan nelayan Vietnam yang bekerja dengan bot nelayan tempatan menjadi mata dan telinga di sebalik pencerobohan itu.

“
Perairan negeri ini memiliki banyak hasil laut bermutu tinggi
Mohd Khairulnuar



MOHD Khairulnuar menerangkan berkaitan penguatkuasaan APMM kepada pelajar dari Kelantan di tapak pameran Aset Penguatkuasaan Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-18 Maritim Malaysia di Pusat Sains dan Kreativiti, Kampung Laut Chendering. - Gambar NSTP/ZAID SALIM